

3 MAR 1996

Samy-Imej

MIC KE ARAH IMEJ BARU, KATA SAMY

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- MIC akan mengadakan pelbagai perubahan termasuk logo parti yang baru dan pembukaan lebih banyak cawangan selaras dengan usaha-usaha mewujudkan imej baru parti itu, kata Presidennya Datuk Seri S.Samy Vellu hari ini.

Beliau berkata, segala perubahan dan usaha mewujudkan imej baru tersebut adalah selaras dengan perjuangan parti itu dalam membela nasib masyarakat India sejak 50 tahun lepas dan membawa masyarakat India ke abad ke -21.

"MIC akan menjangkau usia jubli emasnya pada Ogos ini dan kita akan berusaha mewujudkan imej baru seperti sebuah badan korporat," katanya kepada pemberita selepas berucap kepada Ketua-Ketua Bahagian dari seluruh negara yang menghadiri mesyuarat kerja di ibu pejabat parti di sini.

Samy yang juga Menteri Kerja Raya berkata imej baru itu penting bagi memberikan perkhidmatan yang berdedikasi, berkualiti serta kepimpinan dari semua peringkat yang mampu menangani perubahan semasa dan cabaran akan datang.

Menurut beliau, MIC juga akan menjalankan pelbagai program bercorak motivasi sebagai sebahagian daripada pengenalan imej baru itu serta menangani apa yang beliau sifatkan sebagai "krisis motivasi" yang dihadapi oleh kepimpinan di semua peringkat.

Samy berkata sejumlah 800 cawangan dengan 60,000 ahli baru akan diwujudkan tahun ini dan ini akan menambah kekuatan parti kepada hampir 460,000 ahli, justeru memperluaskan perkhidmatan kepada masyarakat India di seluruh negara.

Beliau juga mengumumkan penubuhan sebuah dana pendidikan parti bagi mengumpul sejumlah RM5.6 juta melalui derma yang akan dijalankan oleh hampir 56,500 Ahli Jawatankuasa (AJK) daripada 2,500 cawangan.

"Sebuah kad khas akan dihantar kepada semua cawangan dengan setiap AJK cawangan dikehendaki mengumpul sekurang-kurangnya RM100 dalam masa tiga bulan," katanya.

Mengenai sambutan Jubli Emas MIC beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan diberi satu penghargaan khas sama seperti yang pernah diberi kepada bekas Perdana Menteri Tunku Abdul Rahman ketika beliau menghadiri sambutan ulang tahun ke 25 MIC dulu.

Samy juga berkata kerajaan pada dasarnya telah bersetuju untuk meluluskan pembinaan sebuah kolej perubatan di Alor Star, Kedah yang bernilai RM100 juta dengan kerjasama Universiti Bristol di Britain.

Menurut beliau, kolej ini akan menjadi satu kolej penuh serta ijazahnya akan diiktiraf setaraf dengan ijazah yang dikeluarkan oleh Universiti Bristol manakala Hospital Alor Star akan digunakan sebagai tempat latihan amali.

Mengenai rancangan pembinaan sebuah Kolej Teknologi di Perak berharga RM70 juta, beliau berkata usaha untuk menambah keluasan tanah kepada 50 hektar sedang dibuat. -- BERNAMA

RV PR